



## **KENYATAAN MEDIA JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SABAH**

### **SYARIKAT PEMBUATAN TILAM DIDENDA KERANA GAGAL MENJALANKAN PENAKSIRAN SEMULA BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN**

Kota Kinabalu, 6 Julai – Sebuah syarikat pembuatan tilam hari ini telah dijatuhkan hukuman denda oleh Mahkamah Seksyen (2) Kota Kinabalu selepas mengaku bersalah atas kesalahan gagal menjalankan penaksiran semula secara bertulis mengenai risiko yang terhasil daripada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan pekerja selepas 5 tahun penaksiran dibuat. Hakim, Puan Ainul Shahrin binti Mohamad telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 5,000.00 dan dalam hal setiap hari kesalahan berterusan telah didenda sebanyak RM 3,000.00.

Syarikat pembuatan tilam ini telah mengaku salah di atas pelanggaran Peraturan 10 (b), Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sabah (JKKP Sabah), Jason Liew Ee Lung. Manakala penyiasatan terhadap kes pula telah dijalankan oleh pasukan penyiasat yang diketuai oleh Rauzan bin Esa terhadap syarikat tersebut susulan aktiviti penguatkuasaan industri higien dan ergonomik di premis syarikat tersebut.

###

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sabah**

**6 Julai 2018**